FHM3108 Entomologi Hutan/ *Forest Entomology* 2 (1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kaedah mengenal pasti dan pengelasan serangga hutan terpilih. Pelajar dapat memahami ekologi, biologi dan kepentingan serangga berkaitan dengan pokok hutan asli, hutan ladang dan hutan bandar. Penelitian kaedah diagnosis, persampelan dan pengawalan serangga perosak pokok berasaskan kepada prinsip pengurusan serangga perosak bersepadu ditekankan.

This course encompasses the identification and classification of selected forest insects. Students will understand the ecology, biology and importance of insects associated with natural forest, plantation and urban forest. Methods of diagnosing, sampling and tree insect pest control based on insect pest management principles are emphasized

FHM3109 Patologi Hutan/ *Forest Pathology* 2 (1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep penyakit pokok, simptom dan tanda penyakit. Penekanan diberi kepada faktor di dalam pembentukan penyakit, diagnosis penyakit, pengkelasan kulat patogen, biologi patogen yang penting, dan patogenesis. Hubung kait hos dan patogen, mekanisme pertahanan dan kaedah pengawalan bagi penyakit pokok hutan juga dibincangkan

This course covers plant disease concept, disease symptoms and signs. Empasis is given on factors in disease formation, disease diagnosis, classification of fungal pathogen, biology of important pathogens and pathogenesis. Host and pathogen interaction, defense mechanism, and control methods for forest tree diseases are also discussed

FHM3110 Ekonomi Perhutanan/ *Forestry Economics* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori dalam ekonomi perhutanan. Ini termasuklah struktur pasaran, ekonomi pengeluaran, permintaan dan penawaran barangan perkhidmatan hutan. Penekanan diberikan kepada penilaian ekonomi sumber hutan dan bayaran ke atas perkhidmatan ekosistem (PES). Analisis pelaburan projek perhutanan, serta peranan sektor perhutanan dalam pembangunan ekonomi dibincangkan

This course covers concepts and theories in forest economic. These include of market structure, production economics, demand and supply of forest goods and services. Economic valuation of forest resources and payment for ecosystem services (PES) are emphasized. Investment analysis of forestry projects, and the role of forestry sector in national economic development are discussed

FHM3111 Kebakaran Hutan/ *Forest Fire* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi konsep kebakaran hutan, jenis hutan mudah terbakar, implikasi terhadap pengurusan hutan, kaedah mengelak, mengawal dan melawannya dan pengaruh cuaca dan sosial

This course covers the concept of forest fire, forests vulnerable to fire, forest management implications, methods for preventing, controlling and fire fighting as well as weather and social influences

FHM3112 Kaedah Kuantitatif Dalam Perhutanan/ *Quantitative Methods in Forestry* 4 (3+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pemerihalan dan analisis data parametrik dan bukan parametrik dalam perhutanan. Penekanan diberikan kepada pola pembolehubah rawak dan taburan umum parametrik. Teknik pensampelan, rekabentuk ujikaji, ralat ujikaji, korelasi dan regresi linear dibincangkan.

This course covers parametric and non-parametric of data description and analyses in forestry. The pattern of random variables and some common distributions of parameters are emphasized. Sampling techniques, experimental designs, experimental errors, correlations and linear regression are discussed

FHM3201 Survei Hutan/ *Forest Survey* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas survei hutan, teknik ukuran linear dan sudut yang digunakan dalam perhutanan. Kandungan kursus termasuk kaedah pengukuran kawasan hutan dan penyediaan pelan. Teknik pengiraan ketepatan data dan pembetulan yang bersesuaian dibincangkan

This course covers the basic principles of forest survey, technique of linear and angular measurements which are applied in forestry. The content of this course includes methods of forest area measurement and plan preparation.Calculation tecnique for data accuracy and appropriate corrections are discussed

FHM3202 Sukatan Hutan/ *Forest Mensuration* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip pengukuran dan pengukuran pokok, dengan memberi penekanan kepada perkaitan antara , penaksiran dan pembolehubah pokok dan dirian hutan., Pertambahan dan pertumbuhan hasil, indeks tapak, stok, kepadatan dirian, termasuk perancangan dan pelaksanaan inventori sumber hutan berdasarkan teknik pensampelan yang digunakan di Malaysia turut dibincangkan.

This course covers the principles of measurement and tree measurement with emphasis on relationship between assessment and tree and stand variables. Growth and yield increment, site index, stocking, stand density including planning and conducting forest resource inventory according to sampling techniques used in Malaysia are also discussed

FHM3203 Sivikultur Hutan/ *Forest Silviculture* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori silvikultur, system silvikultur am yang diamalkan dalam perhutanan tropika. Penekanan diberikan kepada perkembangan sistem silvikultur di Malaysia termasuk sistem dan kaedah terkini. Diantara aspek yang dibincangkan adalah pengenalan dan penubuhan lading hutan serta rawatan silvikultur yang bersesuaian

This course encompasses the concepts and theory of silviculture, general silvicultural systems practiced in tropical forest.,Emphasized is given to the development of silviculture system in Malaysia that includes the current systems and methods. Aspects of introduction and establishment of forest plantation as well as appropriate silviculture treatments are discussed

FHM3204 Kejuruteraan Hutan/ *Forest Engineering* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kejuruteraan hutan, sains bahan binaan, penganalisaan kestabilan tebing dan dinding penahan, torque, rimpul, jentera perhutanan terpilih serta ekonomi kejuruteraan hutan yang merangkumi kos mesin dan penggantian termasuk penilaian kos alternatif

This course encompasses forest engineering, building material science, analysis of slope stability and retaining wall, torque, rimpull, selected forest machinery as well as economics of forest engineering including costs of machinery and replacement,including evaluation of alternative costs

FHM3205 Penuaian Hutan/ *Forest Harvesting* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi konsep, sistem, teknik dan proses penuaian hutan termasuk menganalisa kadar pengeluaran, kos penuaian, pengawalan kos pengeluaran balak serta penyediaan pelan penuaian hutan.

This course covers forest harvesting concept, system, technique and process of forest harvesting including analysis of production rate, cost of forest harvesting, control of logging production cost as well as development of forest harvesting plans

FHM3206 Sistem Maklumat Geografi Dalam Perhutanan/ *Geographic Information System in Forestry* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas sistem maklumat geografi (GIS). Kandungan kursus termasuk kaedah reka bentuk dan pembangunan pengkalan data, automasi, pemprosesan, analisis,paparan dan pemodelan data. Ia penting untuk menyokong proses membuat keputusan, termasuk kajian kes system maklumat geografi dalam perhutanan

This course covers basic concepts of geographic information system (GIS). The content of this course includes method of design and data base development, automation, processing, analysis, display, and modelling of data. It is to support decision making, including case studies of GIS in forestry

FHM3208 Pembaikbiak Pokok/ *Tree Improvement* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip dan kaedah pembaikbiakan pokok hutan asli dan hutan ladang untuk pengurusan serta pengeluaran mampan stok tanaman berkualiti. Kepentingan dan kegunaan variasi genetik melalui genetik Mendel, genetik kuantitatif, keseimbangan Hardy-Weinberg, pemilihan spesis dan ujian provenans, pembiakan tampang, ujian progeni, dirian biji benih, kebun biji benih dan strategi pembiakan yang efisien akan dibincangkan. Kursus ini akan menumpukan kepada kecekapan penggunaan sumber dan penggunaan teknik pembiakan yang
sesuai dalam pembaikbiak pokok

The course covers the principles and methods of tree improvement of natural and planted forest for sustainable management and production of quality planting stock. The application and importance of genetic variations through Mendelian genetics, quantitative genetics, Hardy-Weinberg equilibrium, species selection, provenance trial, vegetative propagation, progeny trial, seed production area, seed orchard and efficient breeding strategy will be discussed. This course focuses in resource use efficiency and the application of appropriate techniques for tree improvement program

FHM3209 Arborikultur/ *Arboriculture* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan kepada teori dan konsep arborikultur terutamanya pengurusan dan penyelenggaraan pokok di kawasan bandar. Konsep asas biologi dan fisiologi pokok, pemilihan tapak dan spesies, penanaman dan pemangkasan, kesihatan dan penyakit pokok dibincangkan. Aspek profesionalisme dalam pengurusan pokok bandaran melalui amalan terbaik dan pensijilan arboris ditekankan

This course covers the theory and concept of arboriculture especially on the management and maintenance of trees in urban areas. Basic concept of tree biology and physiology, site and species selection, tree planting and pruning, tree health and diseases are discussed. Professionalism aspect in urban tree management through best practices and arborist certification are emphasized

FHM3210 Etnobotani/ *Ethnobotany* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas etnobotani dari segi sejarah dan budaya terhadap manusia. Tajuk yang dibincangkan meliputi kepentingan budaya sebagai perantara dalam penggunaan tumbuhan oleh manusia, peranan tumbuhan liar dan tumbuhan yang telah didomestikasi dalam evolusi manusia, isu semasa etnobotani di peringkat global dan kebergantungan manusia terhadap tumbuhan. Penilaian ke atas impak tumbuhan terhadap aspek ekonomi dan sosial masyarakat setempat

This course covers the basic concept of ethnobotany in terms of its historical and cultural contribution to human. Topics covered include the importance of culture in mediating the use of plants amongst people, the role of wild and plants in domesticated human evolution, current global issues in ethnobotany, and human dependency on plants. Evaluation on the impact of plants to social and economic aspects of local communities

FHM3211 Pemulihan Ekosistem/ *Ecosystem Restoration* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan prinsip pemulihan ekosistem dan penilaian faktor yang menyebabkan kemerosotan ekosistem hutan. Penilaian dan penggunaan kaedah bagi pemulihan pelbagai ekosistem berhutan yang rosak

This course covers the concepts and principles of ecosystem restoration and evaluation of factors affecting forest ecosystem degradation. Assessment and application of methods to restore several forest ecosystems

FHM3212 Kaedah Pensampelan Hidupan Liar/ *Wildlife Sampling Methods* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan kaedah pensampelan, analisis dan interpretasi data hidupan liar di kawasan tropika. Kaedah pensampelan secara langsung dan tidak langsung, penilaian kualiti habitat dan pembolehubah berunsurkan keadaan persekitaran yang berkaitan dengan kehadiran dan kelimpahan hidupan liar akan ditekankan. Pengaruh vegetasi dan faktor persekitaran terhadap taburan hidupan liar ditekankan

This course covers sampling concepts and methodology, data analysis and interpretation in the tropical regions. Direct and indirect sampling methods according to different animal groups, assessment of habitat quality and environmental variables associated with wildlife presence and abundance are emphasized. Vegetation and environmental factor on wildlife distribution are emphasized

FHM3213 Perhutanan Tani/ *Agroforestry* 3 (2+1)

Kursus ini memperkenalkan prinsip dan amalan perhutanan tani di kawasan tropika. Pengajaran akan memfokuskan kepada jenis amalan perhutanan tani, interaksi sistem perhutanan tani dengan alam sekitar dan sosial. Analisa ekonomi digunakan untuk menentukan hasil pulangan yang positif terhadap sistem perhutanan tani yang diamalkan

This course introduces principle of tropical agroforestry system in tropic. The teaching focuses on appropriate systems and the interactions of the agroforestry system with the environment and social. Economic analysis is used to assess the positive return of the agroforestry system

FHM3214 Teknologi Biji Benih/ *Seed Technology* 2 (1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi isu berkaitan dengan pengeluaran biji benih bagi spesis pokok hutan terpilih dan tanaman serat. Penekanan terhadap teknologi biji benih dan kesannya kepada hasil dan kualiti biji benih akan dibincangkan. Aspek fisiologi pengeluaran biji benih termasuk fenologi, dormansi dan penyimpanan; serta keputusan sistem sokongan seperti pensijilan biji benih dan penyelidikan biji benih diberi penekanan

The course discussed issue related to seed production of selected forest species and fibre crops. Seed technology and its potential effects on the yield and quality of seeds are emphasized. Physiological aspects of seed production including phenology, dormancy and storage; and the decision support system such as seed certification and seed research are emphasized

FHM3215 Infrastruktur Hijau Dalam Perhutanan Bandar/ *Green Infrastructure in Urban Forestry* 2 (1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kefahaman pelajar mengenai fungsi dan komponen infrastruktur hijau dalam konteks perhutanan bandar. Kursus ini membantu pelajar untuk mengenalpasti komponen infrastruktur hijau yang terdapat dalam hutan perbandaran dan sumbangan komponen-komponen ini kepada persekitarannya. Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar dalam merancang, mereka dan mengaplikasi penggunaan infrastruktur hijau dalam konteks hutan bandar

This course covers the understanding of the functions and components of green infrastructure in the context of urban forestry.This course help students in identifying green infrastructure components found in urban forests and the benefits of these components to the surroundings. This course exposes students to the planning, designing and applying the use of green infrastructure in the context of urban forests

FHM3216 Ekonomi Persekitaran Dan Hutan Bandar/ *Environmental Economics and Urban Forestry* 2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan maklumat latar belakang untuk memahami kaedah dan teknik ekonomi berkaitan persekitaran hutan bandar. Teori berkaitan dengan ekonomi persekitaran semula jadi dan bukan semulajadi dijelaskan. Ia merangkumi pemahaman keatas topik (i) ekonomi persekitaran hutan bandar, (ii) analisis kos faedah dan mendiskaunkan alat ekonomi makro, (iii) langkah dan pembangunan mampan dasar, serta (iv) penilaian sumber.

This course provides background information to understand method and economic techniques related to urban forest and its environment. Theories of environmental economics related to both natural and non-natural resources are explained. It includes the development of real understanding on the topics of (i) the environmental economics of urban forest, (ii) cost-benefit analysis and discounting macro-economic tools, (iii) measures and policy sustainable development, (iv) and resource valuation

FHM3301 Pengurusan Hutan (Forest Management) 3(2+1)

Kursus ini merangkumi fungsi dan kepentingan pengurusanhutan secara berkekalan di Malaysia. Amalan dan piawaianpengurusan hutan antarabangsa berkaitan dengan hasil berkekalan, giliran dan pusingan tebangan, pengendalian stok,hasil dan kawalan tebangan berkaitan sistem pengurusan hutan di Malaysia dibincangkan. Penekanan diberi kepada keperluan pensijilan hutan dan pengesahan produk kayu dari sumber yang berkekalan.

(*This course covers the functions and importance of sustainable forest management in Malaysia. The principles and standard of international forest management related to the sustainable yield, rotation and cutting cycle, the manipulation of growing stock, yield, and regulation of fellings related to forest management system in Malaysia are discussed. Forest certification and verification of forest products from sustainable forest are emphasized.)*

FHM3302 Pengurusan Hutan Bandar/ *Urban Forest Management* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep, fungsi dan faedah perhutanan bandar. Penekanan diberi kepada penggunaan prinsip arborikultur dan perancangan kawasan hijau dalam pengurusan hutan bandar. Pemilihan spesies dan tapak, penanaman, penjagaan dan senggaraan pokok dibincangkan.

This course covers the concept, function and benefit of urban forestry. Arboriculture principles and green space planning in urban forest management are emphasized. Species and site matching, planting, tree care and maintenance are discussed

FHM3303 Pengurusan Hidupan Liar (Wildlife Management) 3(2+1)

Kursus ini merangkumi pengkelasan dan aspek ekologi hidupan liar di Malaysia termasuk dinamik populasi, keperluan habitat, tekanan dan gangguan kepada habitat asal. Pengukuran populasi melalui teknik pensampelan bagi anggaran populasi ditekankan. Prinsip pengurusan hutan bagi hidupan liar termasuk pemuliharaan, status kini dan masa hadapan, fungsi agensi, dasar dan polisi negara dan kesedaran umum dibincangkan

The course encompasses classification and ecological aspect of wildlife in Malaysia includes population dynamics, habitat requirement, pressure and disturbance of original habitat. Population measurement through sampling techniques for population estimation is emphasized. Principles of forest management towards wildlife, conservation, current and future status, functions of agencies, national policies and public awareness is discussed.

FHM3305 Pengurusan Kawasan Legeh/ *Watershed Management* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi masalah air dan langkah untuk mengatasinya, edaran hidrologi, kawasan tadahan hutan dan hubungannya dengan hujan, air tanah, pemeluapan, larian air, banjir dan hakisan tanah. Kaedah kawalan kuantiti dan kualiti air dalam pengurusan kawasan legeh serta Masalah sosial yang berkaitan.

The course covers water problems and approaches to their solutions, hydrological cycle, water catchment area and its relation to rainfall, gound water, evapotranspiration, runoff, floods and soil erosion, control methods for water quality and quantity in watershed management as well as related social problems

FHM3306 Undang-Undang Dalam Perhutanan/ *Laws in Forestry* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi peruntukan undang-undang dalam sektor perhutanan termasuk undang-undang berkaitan sumber semula jadi, alam sekitar, hidupan liar, taman negara dan air serta industri hiliran. Perbezaan undang-undang di negeri-negeri berkaitan akan ditekankan. Penggunaan undang-undang dalam menangani masalah pengurusan hutan semasa dibincangkan

This course encompasses provisions of laws in forestry sectors including natural resource, environment, wildlife, national parks, water and upstream industries. Differences between related state laws are emphasized. Application of laws to solve current forest management are discussed

FHM3307 Penyelenggaraan Dan Pengurusan Tapak Semaian/ *Nursery Management and Maintainance* 2 (1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan asas penubuhan tapak semaian mengikut amalan baik bagi tujuan pemuliharaan dan perniagaan. Penekanan diberi kepada teknik penubuhan tapak semaian, penyelenggaraan tumbuhan dan infrastruktur tapak semaian. Teknik menghasilkan stok tanaman dan pemasaran tumbuhan dibincangkan

This course discusses basic of nursery establishment based on good practices for conservation and business purposes. Emphasized are given on nursery establishment techniques, plant and infrastructure maintenance. Plant propagation techniques and plant marketing are discussed

FHM3310 Pengurusan Bersepadu Perosak Hutan Bandar/ *Integrated Pest Management of Urban Forests* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan identifikasi dan klasifikasi perosak, serangga dan biologi, habitat dan kepentingannya di hutan bandar. Penekanan diberikan kepada pengurusan dengan penggunaan teknik kawalan perosak secara integrasi. Teknik pengawalan dan pengurusan dilapangan dibincangkan.

This course discusses on the identification and classification of selected pests, insects and their biology, habitat and importance in urban forestry. The utilization and integration of pest control tactics for management of insects and pathogens are emphasized. Control technique and management in field are discussed

FHM3311 Pengurusan Kesihatan Pokok Hutan Bandar/ *Urban Tree Health Management* 2 (1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan ejen dan penyebab kepada penyakit pokok hutan bandar. Penekanan diberikan dalam mengenalpasti penyakit pokok palma, pokok renek, pokok teduhan dan tumbuhan hiasan di hutan bandar. Kaedah pengawalan penyakit pokok hutan bandar dibincangkan

This course discusses agent and causes of urban forest tree diseases. Emphasized are given in identifying diseases of palms, shrubs, and shade trees and ornamental plants in urban forest. Controlling methods of urban tree diseases are discussed

FHM4101 Biodiversiti dan Pemuliharaan/ *Biodiversity and Conservation* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori dan prinsip dalam skop biodiversiti dan pemuliharaan termasuk definisi, aras biodiversiti, definisi spesies, habitat, ekosistem dan kepentingan biodiversiti. Penekanan diberikan pada teknik pengukuran, penilaian dan pemantauan biodiversiti bagi tujuan pemuliharaan. Isu semasa, dasar biodiversiti kebangsaan, pengurusan dan mekanisme dalam pemuliharaan biodiversiti

This course encompasses theory and principle in biodiversity and conservation that includes definition, level in biodiversity, definition of species, habitat, ecosystems and importance of biodiversity. Emphasis is given on measuring technique, assessment and biodiversity monitoring for conservation. Current issues, national biodiversity policy, management and mechanism for biodiversity conservation are covered

FHM4102 Ekologi Komuniti Hidupan Liar/ *Wildlife Community Ecology* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teori berkaitan dengan struktur dan dinamik komuniti hidupan liar terestrial. Penekanan diberi ke atas konsep komuniti, interaksi ekologi dan kestabilan populasi. Teori dan model yang berkaitan dengan dinamik ruang, pemilihan habitat dan jaringan makanan dalam komuniti hidupan liar ditekankan

This course covers concepts and theories related to the structure and dynamics of terrestrial wildlife communities. Community concept, ecological interactions and population stability are emphasized. Theory and model related to space dynamic, habitat selection, food web in wildlife community are emphasized

FHM4103 Ekologi Perilaku Hidupan Liar/ *Wildlife Behavioural Ecology* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori dan konsep asas dalam ekologi perilaku hidupan liar. Ini termasuk mekanisma perilaku hidupan liar yang berkaitan seperti kemandirian, komunikasi, persaingan sumber, mangsa pemangsa dan pergerakan dan keperluan dari segi ruang. Aplikasi ekologi perilaku dalam konservasi hidupan liar ditekankan

This course covers the theory and fundamental concepts in behavioral ecology of wildlife. It includes mechanisms of wildlife behavior in relation to survival, communication, resource competition, prey and predator, and movement, and space necessity. The applications of behavioral ecology in wildlife conservation are emphasized

FHM4201 Penderiaan Jauh Dalam Perhutanan/ *Remote Sensing in Forestry* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar teori asas penderiaan jauh dan prinsip asas pemprosesan imej satelit. Pengajaran akan memfokus kepada penggunaan perisian pemprosesan imej yang bersesuaian dengan aktiviti perhutanan. Pelajar akan diberi peluang untuk menganalisis data lapangan

This course introduces students to basic theory on remote sensing and basic principles of satellite image processing. The teaching focuses on appropriate used image processing software. The student will be given the opportunity to analyze field data

FHM4202 Penilaian Ekonomi Sumber Hutan Dan Biodiversiti/ *Economic Valuation of Forest Resource and Biodiversity* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas dan kaedah dalam menjalankan penilaian ekonomi sumber hutan dan biodiversiti. Penekanan diberikan ke atas pembangunan mampan, kepentingan sumber hutan dan biodiversiti, masalah berkaitan dengan nyah hutan, konsep dan teori utiliti dan ekonomi kebajikan, jenis-jenis nilai ekonomi, pendekatan penilaian ekonomi, langkah terlibat dan kaedah penilaian ekonomi, perakaunan sumber hutan dan aplikasi penilaian ekonomi dalam perhutanan. Kajian kes dalam penilaian ekonomi sumber hutan dan biodiversiti dibincangkan.

This course covers the basic concepts and methods in conducting economic valuation of forest and biological resources. Empashzied are given on sustainable development, the importance of forest and biological resources, problems related to deforestation, concept and theory of utility and welfare economics, types of economic value, approaches in economic valuation, steps involved and methods of economic valuation, forest resource accounting and applications of economic valuation. Case studies in economic valuation of forest resources and biodiversity are covered

FHM4203 Perhutanan Antarabangsa/ *International Forestry* 2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi status, klasifikasi hutan dunia dan isu semasa global berkaitan dengan sektor perhutanan. Perbincangan berkisar kepada organisasi perhutanan global dan nasional dan perjanjian antarabangsa serta kaitannya dengan pengurusan hutan

This course covers status, classification of forest and current global issues related to forestry sectors. Discussion on global and national forestry organizations, and international treaty related to forest management

FHM4204 Aplikasi Bioteknologi Dalam Perhutanan/ *Biotechnology Application in Forestry* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori dan amalan bioteknologi dalam bidang perhutanan termasuk biologi sel, genetik molekul, pengklonan gen, teknologi PCR, penjujukan DNA, kejuruteraan genetik, cap jari DNA dan forensik. Penumpuan diberikan kepada penggunaannya dalam pengurusan biodiversiti hutan, kepelbagaian genetik, perlindungan flora dan fauna terancam, serta kejuruteraan genetik spesies hutan ladang. Kursus ini juga menekankan kepada latihan kemahiran

This course covers the theory and practice of biotechnology in the field of forestry including cell biology, molecular genetics, gene cloning, PCR technology, DNA sequencing, genetic engineering, DNA fingerprinting and forensic. It focuses on its application in the management of forest biodiversity, genetic heterogeneity, protection of endangered flora and fauna, and genetic engineering of plantation forest species. This course also emphasises on hands-on training

FHM4205 Teknik Hidrologi Hutan/ *Forest Hidrology Technique* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan tentang jenis-jenis peralatan dan cara pengukuran proses hidrologi asas. Penekanan diberikan kepada kawasan legeh yang merangkumi kajian mikro dan makro. Kaedah menganalisa data hidrologi dibincangkan

This course gives exposure about equipment types and their measurement of basic hydrological processes. Emphasis is given to the watershed area including the micro and macro research. Hydrological data analysis methods are covered

FHM4206 Pengukuran Dan Pemantauan Karbon/ *Carbon Measurement and Monitoring* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi peranan hutan dengan perubahan iklim. Kerjasama antarabangsa oleh pelbagai pihak berkaitan untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dunia dibincangkan. Penekanan diberikan keatas kaedah pengukuran dan pemantauan karbon di kawasan berhutan

This course encompasses the role of forests in climate change. International cooperation by various related agencies in reducing the impact of global climate change is discussed. Emphasized is given on methods in measurement and monitoring of carbon in the forested area

FHM4207 Ekologi Perbandaran/ *Urban Ecology* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori, fungsi dan pelbagai komponen dalam skop ekologi perbandaran. Analisa interaksi antara komponen ekosistem perbandaran dan permasalahan yang terdapat dalam ekologi perbandaran ditekankan. Cadangan penyelesaian berkaitan permasalahan ekologi perbandaran dibincangkan

This course encompasses the theory, function and components functions in the scope of urban ecology. Interaction analysis between various components of urban ecosystem and issues in urban ecology are emphasized. Solutions to the problems relating to urban ecology are discussed

FHM4301 Pengurusan Hutan Lanjutan/ *Advance Forest Management* 2 (1+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip perancangan pengurusan hutan dan penyediaan rancangan pengurusan hutan, termasuk kaedah dan teknik perancangan, pengaturcaraan matematik, simulasi, teori permainan dan analisis rangkaian

The course covers the principles of forest management planning and preparation for forest management plans, including methods and techniques of planning, mathematical programming, simulation, game theory as well as network analysis

FHM4302 Konflik Manusia Dan Hidupan Liar/ *Human and Wildlife Conflicts* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep pengurusan konflik dan peranan manusia dan hidupan liar. Pemahaman fungsi ekosistem dan keupayaan daya tampung sesuatu habitat ditekankan dalam penilaian konflik. Kaedah mitigasi untuk menangani konflik antara manusia dan hidupan liar ditekankan

This course covers concept of conflict management and roles of human and wildlife. The understanding of ecosystem functions and carrying capacity are emphasized in evaluating human and wildlife conflicts. Mitigation methods for solving human and wildlife conflicts are emphasized

FHM4303 Pengurusan Risiko Dalam Hutan Bandar/ *Risk Management in Urban Forestry* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan tanggungjawab pengurus hutan bandar dalam menguruskan risiko yang berlaku. Penekanan diberikan kepada penyediaan dan penghuraian rancangan pengurusan risiko di hutan bandar termasuklah pertimbangan liabiliti, prinsip piawaian hutan bandar dan elemen kesihatan dan keselamatan. Pengurusan pokok bahaya, kesihatan dan keselamatan di tempat kerja dan asas mencari dan menyelamat dibincangkan

This course discusses the responsibility of urban forestry managers in managing risks. Emphasized are given to the preparation and presentation of risk management plan in urban forestry including liability assessment, standard and principle in urban forestry and health and security. Management of hazardous trees, health and security in workplace and search and rescue are discussed

Jabatan Industri Sumber Alam /Department of Nature Resource Industry

FHH3101 Sains Kayu/ *Wood Science* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar berkenaan kepentingan kayu dalam kehidupan manusia. Pengajaran akan menumpu kepada sifat anatomi, kimia, fizikal, dan mekanikal kayu serta perkaitannya dalam pemprosesan dan penghasilan produk berasas kayu. Pelajar akan didedahkan kepada teknik pengecaman pelbagai spesies kayu komersil

This course introduces student on the importance of wood to human life. The teaching will focus on the anatomical, chemical, physical, and mechanical properties of wood in relation to the processing and production of wood-based products. The student is exposed to the identification technique of various commercial wood species

FHH3207 Teknologi Pulpa dan Kertas/ *Pulp and Paper Technology* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi terhadap sejarah dan pertimbangan komersial dan pencirian bahan mentah bagi industri pulpa dan kertas. Teknik mempulpa, proses pelunturan dan penyediaan stok pulpa serta proses pembuatan kertas didedahkan. Perolehan bahan dan pertimbangan alam sekitar dalam industri pulpa dan kertas dibincangkan.

This course encompasses the history, commercial consideration and raw material characteristics of the pulp and paper industry. Technique of pulping, bleaching processes, pulp stock preparation and papermaking are exposed. Procurement of materials and environmental consideration in pulp and paper industry are discussed

FHH3301 Perolehan Bekalan Hasil Hutan/ *Forest Products Procurement* 3 (2+1)

Prasyarat :Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan kaedah perolehan bekalan hasil hutan untuk proses hiliran. Kaedah penentuan harga, penggredan dan kaedah pengukuran isipadu kayu balak dan kayu gergaji ditekankan. Sistem perolehan bekalan hasil hutan secara sah dan mampan didedahkan
This course encompasses the concepts and methods of forest products procurement for downstream processing. Pricing methods, grading and volume measurement methods for logs and sawn timber are emphasized. Legal and sustainable procurement system of forest products are exposed

FHH3302 Pemasaran Hasil Hutan/*Forest Products Marketing* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas pemasaran dan pengurusan pemasaran untuk mendapatkan gambaran mengenai proses dan aktiviti dalam memasarkan hasil hutan dan perkhidmatan hutan. Pendekatan pengurusan dalam membuat keputusan pemasaran terutama sekali dalam membangunkan campuran dan strategi pemasaran ditekankan. Beberapa topik lain berkaitan dengan pemasaran keluaran/perkhidmatan seperti pensijilan dibincangkan
This course encompasses the fundamental concepts of marketing and marketing management to obtain a broad overview of the processes and activities that are required in marketing of forest products and services. Managerial approach in making marketing decisions particularly on the development of the marketing mix and strategies are emphasized. Several topics related to the marketing of forest products/services like product certification are discussed

FHH3303 Ekonomi Industri Perkayuan/*Wood Industry Economics* 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip ekonomi mikro seperti pengeluaran, penawaran dan permintaan yang melibatkan industri perkayuan. Teori kos, struktur dan tingkahlaku pasaran, tingkah laku penentuan harga, dan prestasi pasaran ditekankan. Isu semasa berkaitan dengan perdagangan kayu dibincangkan

This course encompasses the micro economics principles such as production, demand and supply related to wood industry. Cost theory, market structure and behavior, price determination behavior, and market performance are emphasized. Current issues on timber trade are discussed

FHH3304 Analisis Operasi Industri Hasil Hutan/ *Operation Analysis in Forest Products Industries* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan teknik berkaitan perancangan, reka bentuk, dan pengawalan operasi penghasilan produk hasil hutan. Analisis proses pembuatan produk hasil hutan untuk mengoptimumkan kecekapan pengeluaran ditumpukan. Penyelesaian masalah berdasarkan maklumat yang diperoleh dari lapangan dijalankan

This course encompasses the concept and techniques related to planning, design, and control in forest products manufacturing operations. Analysis of forest products manufacturing process to optimize production efficiency are emphasized. Problem solution based on field information are conducted

FHH3102 Anatomi Kayu / *Wood Anatomy* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi struktur anatomi kayu dan kepentingannya dalam penghasilan produk kayu. Pembentukan dan perkembangan kayu di peringkat bersel dan hubungannya dengan ekologi persekitaran ditekankan. Kepelbagaian sifat anatomi kayu secara makro dan mikro serta aplikasinya dalam pengecaman kayu didedahkan

This course encompasses wood anatomical structures and its importance in production of wood products. Formation and development of wood in cellular level and its relationship with environmental ecology are emphasized. Variety of macro and micro wood anatomical features and its application in wood identification are exposed

FHH3103 Fizik Kayu / *Wood Physics* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi sifat fizik kayu dan gentian sebagai bahan mentah industri. Hubungkait air dengan kayu, ketumpatan, sifat haba, elektrik, akustik kayu, gelagat kayu terhadap api ditumpukan. Pergerakan cecair dalam kayu dan kaitannya terhadap rawatan kayu didedahkan

This course encompasses physical properties of wood as industrial raw material. Wood and water relationship, density, electrical, thermal, acoustic properties, behaviour of wood towards fire are emphasized. Flow of liquid in wood and its relation treatment methods are exposed

FHH3104 Kimia Kayu / *Wood Chemistry* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi proses pembentukan dan taburan komponen kimia dalam kayu dan gentian. Struktur kimia dan tindakbalas kimia terhadap ekstraktif, lignin, selulosa, hemiselulosa dan kulit kayu dibincangkan

This course encompasses wood formation dan distribution of chemical constituents in wood. Chemical structure and chemical reactions on extractives, lignin, cellulose, hemicelluloses and barks are discussed

FHH3105 Mekanik Kayu 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi sifat mekanik kayu pejal dan komposit kayu. Konsep dan ujian mekanik kayu, faktor yang mempengaruhi sifat mekanik, dan kaitannya dengan penggunaan ditekankan. Kriteria rekabentuk elastik untuk struktur kayu, papan komposit dan kombinasi kedua-duanya didedahkan.

This course encompasses the mechanical properties of solid wood and composite woods. Concept and testing in wood mechanics, factors that influences the mechanical properties and its relation to utilization are emphasized. Elastic design criteria for wood and wood composite structures and the combination of both are exposed

FHH3106 Pengenalan Kepada Operasi Hutan 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi berkenaan konsep operasi hutan, teknik pembalakan dan sistem penuaian. Kaedah sukatan, survei, dan operasi pembalakan ditumpukan. Pembinaan pelan operasi hutan, termasuk jalan hutan, pengurusan dan penyelenggaraan jentera didedahkan

This course encompasses the concept of forest operation, logging techniques and harvesting system. Mensuration, survey and logging operation techniques are emphasized. Development of operational plan including forest road, management and maintenance of machinery are exposed

FHH3201 Hasil Hutan Bukan Kayu/ Non-Wood Forest Products 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kepelbagaian hasil hutan bukan kayu seperti rotan, buluh, fitokimia, tumbuhan ubatan dan palma. Asas penanaman buluh dan rotan serta sifat pelbagai hasil hutan bukan kayu didedahkan. Proses pengumpulan dan pengagihan bahan menggunakan teknologi yang sesuai dalam proses pembuatan produk akhir untuk pembangunan industri SME serta sosio-ekonomi dibincangkan.

This course encompasses the diversity of non-wood forest products such as rattan, bamboo, phytochemicals, medicinal plants and palms. Basic of bamboo and rattan planting as well as non-wood forest products properties are exposed. Process of collection and its distribution using appropriate technology for end product manufacturing towards the development of SME industries and socio-economic are discussed)

FHH3202 Pengilangan Dan Pengeringan Kayu/ *Sawmilling and Wood Drying* **3 (2+1)**

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teori, konsep dan amalan dalam pengilangan dan pengeringan kayu. Peralatan, langkah-langkah pemprosesan, kaedah dan faktor yang mempengaruhi pulangan dalam pengilangan kayu didedahkan. Prinsip dan kaedah pengeringan kayu serta punca dan kawalan kecacatan kayu akibat pengeringan dibincangkan.

This course encompasses theory, concept and practices of sawmilling and wood drying. Machineries, processing steps, methods and factors that affect sawmilling recovery are exposed. Principle and methods of wood drying as well as causes and preventions of drying defects are discussed

FHH3203 Kemerosotan Kayu dan Rawatan/ *Wood Deterioration and Treatment* **3 (2+1)**

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi aspek kemerosotan kayu dan hasil hutan lain. Punca kemerosotan kayu disebabkan oleh agen biotik dan abiotik dibincangkan. Kaedah melindungi dan mengawet kayu didedahkan

This course encompasses the aspects of deterioration of wood and other forest products. Biotic and abiotic agents that affected deterioration are discussed. Methods of wood protection and preservation are exposed

FHH3204 Perekat dan Teknologi Perekatan Kayu/ *Wood Adhesive and Adhesion Technology* **3 (2+1)**

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pelbagai jenis perekat kayu serta sifatnya. Teori asas dan sifat fizikal perekat serta mekanisma perekatan ditekankan. Aplikasi dan ujian rekatan pelbagai jenis perekat dalam penghasilan komposit kayu dijalankan

This course encompasses various types of wood adhesives and their properties. Fundamental theory and physical properties of the adhesives and its adhesion mechanism are emphasized. Application and adhesion test of wood composites are conducted

FHH3205 Biokomposit/ *Biocomposites* **3 (2+1)**

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi jenis dan proses pembuatan papan komposit konvensional daripada pelbagai jenis bahan kayu. Pengujian dan penilaian sifat fizikal dan mekanikal papan komposit didedahkan. Faktor yang mempengaruhi prestasi papan komposit dibincangkan

This course encompasses types and manufacturing process of conventional composite boards from various type of wood. Testing and evaluation of physical and mechanical properties of composite boards are exposed. Factors influencing performance of composite boards are discussed

FHH3206 Pemesinan Kayu/ *Wood Machining* **3 (2+1)**

Prasyarat : FHH3202

Kursus ini merangkumi teori, konsep dan kaedah pemesinan kayu. Hubungkait pembolehubah pemesinan dan kualiti pemesinan di dalam proses pengetaman dan pengupasan dibincangkan. Kerja pemesinan kayu dengan membuat perabot dilaksanakan

The course encompasses theory, concept and methods of wood machining. Relationship of machining variables with performance and quality in planing and veneer cutting are discussed. Wood machining activities by making furniture are conducted

FHH3208 Proses Pembuatan Perabot/ *Furniture Manufacturing Process* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi latar belakang industri perabot di Malaysia dan seluruh dunia. Prinsip dan kaedah rekabentuk perabot, proses utama pembuatan perabot, isu alam sekitar dan kesihatan yang terlibat ditumpukan. Teknik penilaian kualiti dan produktiviti pembuatan perabot melalui kajian kes dilaksanakan

This course encompasses the background of Malaysian and global furniture industries. Principles and techniques of furniture design, furniture manufacturing processes, and the related environmental and health issues are emphasized. Assessment techniques on quality and productivity through case studies are conducted

FHH3209 Aplikasi Komputer Dalam Reka Bentuk Produk Kayu/ *Computer Application in Wood Product Design* 3 (1+2)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi berkenaan konsep rekabentuk dalam merekabentuk produk kayu. Kemahiran dalam penggunaan perisian rekabentuk ditumpukan. Tknik penilaian dan interpretasi hasil model rekabentuk kayu didedahkan.

This course encompasses the concept of design concept and the application of software in designing wood products. Skills of using software for designing are emphasized. Evaluation of the design and the interpretation of the models are exposed

FHH3210 Biojisim Dan Biotenaga/ *Biomass and Bioenergy* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi jenis biojisim sebagai sumber biotenaga. Penghasilan biotenaga dalam bentuk pepejal, cecair dan gas melalui proses biokimia didedahkan. Aspek ekonomi, dasar pembangunan dan penggunaan biotenaga dibincangkan.
This course introduces student to various types of biomass as source of bioenergy. Production of bioenergy in the form of solid, liquid and gas using biochemical processes are exposed. Students Economic aspect, development and utilization policy of bioenergy are discussed

FHH3305 Analisis Kewangan Industri Hasil Hutan/ Financial Analysis of Forest Products Industries 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep dan prinsip asas pengurusan kewangan. Pengajaran menumpu kepada pemahaman serta penggunaan alatan analitikal yang bersesuaian dalam membuat analisis dan keputusan kewangan dalam industri hasil hutan. Pelajar juga diberi peluang menganalisis penyata kewangan sebenar firma industri hasil hutan
This course covers the basic concepts and principles of financial management. Teaching focuses on understanding and use of analytical tools in analysing and making financial decision in the forest products industries. Students are also given the opportunity to analyze actual financial statements of forest products industry firm

FHH3307 Ergonomik Hutan/ *Forest Ergonomics* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi isu berkaitan ergonomik yang dihadapi oleh pekerja di bidang perhutanan dan industri perkayuan. Aplikasi teori dan kaedah ergonomik dalam sektor perhutanan dijalankan. Susun atur tempat kerja, faktor manusia dan aspek kesihatan dan keselamatan pekerja dibincangkan

This course encompasses ergonomic issues faced by workers in forestry and wood industry sectors. Application of ergonomics theory and method in forestry sector are conducted. Workplace layout, human factors and aspects of health and safety of worker are discussed

FHH4201 Teknologi Penglitup dan Kemasiapan Kayu/ *Wood Coating and Finishing Technology* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pelbagai jenis penglitup dan laminasi permukaan produk kayu. Pemilihan teknik salutan mengikut jenis produk dan peralatan yang digunakan dalam proses kemasiapan ditumpukan. Kecacatan kemasan dan cara pemulihan dibincangkan

This course encompasses various types of coating and surface lamination of wood products. Selection of coating technique according to types of wood products and equipment used in finishing process are emphasized. Finishing defects and remedial measures are discussed

FHH4202 Penambahbaikan Mutu Kayu/ *Wood Quality Improvement* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi kelemahan kayu sebagai bahan mentah dan faktor yang mempengaruhinya. Prinsip dan kaedah rawatan untuk meningkatkan mutu kayu, serta penilaian prestasi ke atas kayu terawat ditumpukan. Perkembangan terkini dalam peningkatan mutu kayu dibincangkan

This course encompasses the disadvantages of wood as raw material and factors which influences its quality. Principles and methods of treatments to enhance wood quality, and analyse the performance of the treated wood are emphasized. Latest development on wood quality enhancement are discussed

FHH4203 Biokomposit Termaju/ *Advanced Biocomposite* 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi teknik dan pemprosesan pelbagai jenis biokomposit termaju berdasarkan aplikasi akhir yang bersesuaian. Kepelbagaian gentian (semulajadi dan sintetik), jenis pengikat (resin dan matrik) dan alat pemprosesan ditekankan. Penilaian sifat fizik dan mekanik, kecacatan pembuatan serta kawalan kualiti dibincangkan

This course encompasses various technique and processes of advanced biocomposites based on suitable end applications. Variabilty of fibers (natural and synthetic), type of binders (resin and matrix) and processing equipment are emphasized. Evaluation of physical and mechanical properties, manufacturing defects as well as quality control are discussed

FHH4301 Pencemaran Dan Kawalan Dalam Industri Hutan/ *Pollution and Control in Forest Industries* **3 (3+0)**

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi jenis pencemaran dalam industri huluan dan hiliran hutan. Kaedah rawatan yang sesuai dalam menangani masalah, kadar pencemaran dan rawatan yang digunakan dalam industri hutan ditekankan. Isu pencemaran dan kepentingan keselamatan dan kesihatan dalam industri berasas kayu dibincangkan

This course encompasses the types of pollution associated with upstream and downstream forest industries. Treatment methods that used in forest industries are emphasized. Pollution issues and importance of safety and health in the wood-based industries are discussed

FHH4302 Sistem Pengawalan Mutu Pemprosesan Kayu/ *Wood Processing Quality Control System* **3 (2+1)**

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengurusan kualiti dalam industri produk kayu. Kualiti bahan mentah, proses pembuatan dan produk akhir ditumpukan. Kaedah kualiti pengurusan kualiti secara statistik dan kaedah pengawalan mutu yang digunakan dalam industri produk kayu dipraktikkan

This course encompasses the quality management in the wood products industry. Quality of raw materials, manufacturing process and final products are emphasized. Aspects of statistical quality control and quality control method used in the wood products industry are practiced

FHH4303 Pengurusan Dan Penggunaan Sisa Kayu/ *Wood Waste Management and Utilisation* **3 (2+1)**

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi pengkelasan dan pengumpulan sisa kayu daripada industri perkayuan dan industri lain yang menggunakan bahan kayu. Konsep kitar semula dalam pembuatan pelbagai jenis produk berasaskan kayu ditekankan. Impak industri kitar semula terhadap bekalan kayu dan alam sekitar dibincangkan

